



# KENYATAAN MEDIA

---

## SIASATAN JABATAN ALAM SEKITAR KE ATAS ADUAN PELEPASAN ASAP HITAM OLEH PREMIS PENAPISAN MINYAK MENTAH DI PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

---

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Nik Nazmi Nik Ahmad bersama Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun turut bersama-sama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang diketuai oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar hari ini telah memeriksa sebuah premis penapisan minyak mentah di Port Dickson, Negeri Sembilan. Premis ini telah diadu menyebabkan pencemaran udara dan asap hitam yang mengganggu penduduk di perumahan berhampiran seperti di Taman Toh Kee Kah dan Taman Mewah, Port Dickson Negeri Sembilan.

Susulan pemakluman terdahulu dan siasatan JAS pada 6 Julai 2024 pihak JAS telah memaklumkan untuk kilang membuat tindakan pembetulan. Pemantauan mendapati premis masih dalam proses *startup* dan penstabilan untuk beroperasi semula setelah tindakan pembaikan ke atas unit dandang selesai. Pelepasan asap hitam didapati berpunca daripada pembakaran gas yang tidak sempurna semasa proses penstabilan di unit *flare*. Bagi tujuan keselamatan, unit *flare* di dalam proses penapisan minyak mentah digunakan untuk membakar gas yang bertekanan tinggi di dalam sistem loji bagi mengelakan sebarang kejadian lebih buruk seperti kebakaran atau potensi letupan.

Berdasarkan operasi pemeriksaan hari ini, premis didapati masih dalam proses *startup* dan penstabilan sebelum beroperasi sepenuhnya. Dalam hal ini, pihak premis telah memaklumkan bahawa tempoh proses *startup* terpaksa dilanjutkan dan dijangka selesai sepenuhnya pada hari ini, 8 Julai 2024 disebabkan terdapat isu teknikal semasa proses penstabilan.

Menteri NRES dan Menteri Besar turut mengingatkan agar semua pihak industri bahawa tindakan tegas di bawah AKAS 1974 akan dikenakan ke atas mana-mana premis yang melakukan pencemaran alam sekitar.

JAS juga menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**

**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**8 JULAI 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

